

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB TUAN AHMAD FAHMI BIN MOHAMED FADZIL [LEMBAH PANTAI]**

**TARIKH : 4 OGOS 2020 (SELASA)**

**SOALAN**

**YB TUAN AHMAD FAHMI BIN MOHAMED FADZIL (LEMBAH PANTAI)** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan jumlah Ahli Parlimen yang telah mengisyihar harta setakat hari ini dan adakah Kerajaan bercadang memuat naik perisytiharan harta ke dalam laman sesawang Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia seperti yang diamalkan dahulu.

**JAWAPAN : YB DATO' TAKIYUDDIN BIN HASSAN, MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI (PARLIMEN DAN UNDANG-UNDANG)**

**Tuan Yang di-Pertua,**

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sehingga 29 Julai 2020 seramai 184 orang Ahli Parlimen telah mengemukakan sesalinan perisytiharan harta kepada Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM).
2. SPRM hanya menyediakan *platform* untuk pemaparan harta melalui *website* dan bukan menjadi tanggungjawab SPRM untuk memaksa mana-mana pihak untuk mengisyiharkan harta mereka. SPRM telah diberikan mandat oleh Kerajaan untuk menentukan masa dan kaedah pemaparan perisytiharan harta. Pemaparan akan dibuat dalam tempoh masa yang terdekat. Sekian, terima kasih.